

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]
SOALAN :**

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat yang membekalkan peralatan serta servis di Hospital Umum Kuching Sarawak serta peralatan dan servis yang mereka bekalkan. Senaraikan jumlah pembelian ataupun pembayaran kepada syarikat yang disenaraikan dari tahun 2000 sehingga sekarang.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan perolehan peralatan perubatan, bukan perubatan dan penyelenggaraan sama ada melalui tender terbuka, sebutharga dan lain-lain kaedah perolehan bagi meningkatkan perkhidmatan perubatan kepada pesakit di hospital Kerajaan, termasuk Hospital Umum Sarawak (HUS).

Sehingga tahun 2014, HUS telah melaksanakan perolehan peralatan perubatan, bukan perubatan, perolehan kerja dan penyelenggaraan yang bernilai sebanyak RM205 juta; yang melibatkan sebanyak 199

buah syarikat dalam perolehan berkenaan. Kesemua perolehan ini adalah berdasarkan kepada keperluan HUS bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pesakit di hospital berkenaan.